

13 APR 2001

Sukan SEA-Karnival (Obor)

KARNIVAL OBOR SUKAN SEA MENDAPAT SAMBUTAN

ALOR SETAR, 13 April (Bernama) -- Karnival bagi mempromosi Sukan SEA peringkat daerah Kota Setar di Stadium Darul Aman dan Kompleks Belia dan Sukan di sini hari ini mendapat sambutan menggalakkan daripada orang ramai.

Beribu-ribu orang membanjiri Stadium Darul Aman untuk mengambil bahagian dalam aktiviti yang disediakan oleh penganjur termasuk untuk melihat dari dekat obor Sukan SEA yang dipamerkan di situ.

Antara acara yang diadakan ialah pertandingan papan-luncur, memanjat tembok, bola sepak jalanan, basikal BMX, demonstrasi seni mempertahankan diri, lompat tali untuk jantung selain pengunjung berpeluang mencuba memandu go-kart bagi menguji bakat mereka.

Pameran obor dan pertandingan ini berlangsung sehingga petang ini.

Di Kompleks Belia dan Sukan berdekatan Stadium Darul Aman pula berlangsung pertandingan melukis disertai lebih 500 kanak-kanak sekolah rendah dan tadika.

Pengarah Belia dan Sukan Kedah Abdul Aziz Hamid dan Penolong Pegawai Daerah Kota Setar Asri Redza Abdul Rahman menyampaikan hadiah kepada para pemenang.

Obor Sukan SEA itu yang dibawa sejauh 25 km melalui beberapa batang jalan dari bandar Alor Setar ke Kuala Kedah semalam, diserahkan oleh Menteri Besar Perlis Datuk Seri Shahidan Kassim kepada wakil kerajaan Kedah Datuk Hassan Bulat, Rabu lepas.

Larian obor Sukan SEA peringkat daerah Kubang Pasu iaitu kawasan Parlimen Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohammad akan diadakan esok, mulai pukul 8 pagi.

Antara acara yang diatur sempena larian itu ialah perarakan kereta mini dan Volkswagen serta motosikal dari pekan Kepala Batas iaitu sempadan daerah Kota Setar/Kubang Pasu hingga ke pekan Jitra.

Persembahan pancaragam bagi memeriahkan sambutan turut diadakan semasa majlis penyerahan obor itu di sempadan kedua-dua daerah berkenaan esok.

-- BERNAMA

ZA LAT